

ALL COSMOS, UPM jalin usaha sama strategik

Serdang: Universiti Putra Malaysia (UPM) muncul universiti pertama negara ini terabit dalam usaha membangunkan produk penyelidikan yang dijamin mampu mengekalkan kelangsungan bekalan makanan negara.

Usaha itu dibangunkan melalui kerjasama strategik antara UPM dan All Cosmos Biotech Holding Corporation (ALL COSMOS) melalui perjanjian persefahaman (MoU) selama lima tahun yang ditandatangani, di sini, semalam.

MoU itu ditandatangani Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM, Prof Datuk Dr Mohd Salleh Jaafar dan Pengarah ALL COSMOS, Datuk Tony Peng Shih Hao.

Produk dua dalam satu

Mohd Salleh berkata, produk dua dalam satu iaitu kompos – racun hijau menggunakan bakteriofaj atau virus yang mampu membunuh bakteria spesifik pada tanaman boleh dimanfaatkan industri pertanian dan perhutanan negara ini.

“Teknologi bakteriofaj menggunakan mikrob virus untuk menjangkiti dan membunuh bakteria menyebabkan penyakit.

“ALL COSMOS akan menyumbang RM 54,540 sebagai dana permulaan kepada Fakulti Perhutanan untuk penyelidikan asas dalam bidang bakteriofaj daripada sumber hutan,” katanya.

Sementara itu, Mohamed Khaled berkata, hanya 19 pensyarah kontrak di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) ditamatkan kontrak, bukan 92 seperti didakwa Naib Presiden PAS, Salahuddin Ayub.